

Bil. S 78

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KASTAM (PINDAAN) (BIL. 2), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pemasukan bab 12A baru ke dalam S 39/2006
 3. Pindaan bab 71
 4. Pindaan bab 153
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KASTAM (PINDAAN) (BIL. 2), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kastam (Pindaan) (Bil. 2), 2017.

Pemasukan bab 12A baru ke dalam S 39/2006

2. Bab 12 dari Perintah Kastam, 2006, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 12 bab baru yang berikut —

“Kuasa Menteri untuk menunda duti kastam dll.

12A. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan peraturan-peraturan, berhubung dengan barang-barang berduti yang dibawa masuk oleh mana-mana orang dalam masa menjalankan atau bagi meneruskan apa-apa perniagaan yang dijalankan olehnya —

(a) mengadakan peruntukan bagi pembayaran duti kastam ditunda dan tertakluk kepada kehendak-kehendak dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Pengawal;

(b) membenarkan barang-barang itu dipindahkan daripada gudang Jabatan Pelabuhan, gudang kastam atau gudang berlesen, mengikut mana yang berkenaan, menurut peraturan-peraturan itu walaupun duti kastam yang boleh dikenakan ke atas pengimportannya belum lagi dibayar.

- (2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah cerai (1) —

(a) boleh memperuntukkan bahawa barang-barang itu boleh, tertakluk kepada kehendak-kehendak dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Pengawal;

(b) menghendaki orang itu untuk menerangkan dan membayar duti kastam yang boleh dikenakan ke atas pengimportan barang-barang itu dalam bentuk dan mengikut cara, dalam tempoh dan kepada orang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal.”.

Pindaan bab 71

3. Bab 71 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan “(1)” sejurus sebelum “No” dalam baris pertama;

(b) dengan menambah ceraian baru yang berikut —

“(2) Untuk mengelakkan keraguan, ceraian (1) tidak dikenakan kepada barang-barang berduti jika Pengawal telah memberikan kebenaran bagi pemindahannya yang berkaitan dengannya pembayaran duti kastam ditunda menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 12A.”.

Pindaan bab 153

4. Bab 153 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan “or any regulations made thereunder” sejurus selepas “Order” dalam baris pertama.

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 21 haribulan September, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM